

10/04/2002

Nicol, Beng Hee pikul tugas berat

Haryani Ngah

SELEPAS hampir membolot semua gelaran di Kejohanan Skuasy Asia di Hong Kong dua tahun lalu, Malaysia sekali lagi mahu mengulangi kejayaan memenangi kejuaraan dalam tiga daripada empat acara di kejohanan kali ke-11 yang akan berlangsung di Pusat Skuasy Nasional, Bukit Jalil pada 1 hingga 8 Mei depan.

Malaysia yang meraih gelaran juara dalam acara individu lelaki dan wanita serta berpasukan lelaki dua tahun lalu mungkin akan menghadapi laluan sukar ketika berdepan Pakistan juara sebanyak sembilan kali dalam acara berpasukan lelaki.

Ini kerana Pakistan mempunyai barisan pemain sedang meningkat seperti Mansoor Zaman, Shahid Zaman serta Amjad Khan dan ranking dunia mereka juga lebih baik berbanding pemain nombor dua dan tiga negara, Kenneth Low dan Mohd Azlan Iskandar.

Bagi acara berpasukan wanita laluan getir bakal dihadapi daripada Hong Kong - lawan yang mengecewakan Malaysia untuk membolot semua gelaran juara dua tahun lalu. Kekuatan pemain Hong Kong terletak pada dua pemain utamanya, Rebecca Chiu dan Christina Mak.

Namun untuk acara individu lelaki dan wanita peluang mungkin masih berpihak kepada Malaysia menerusi pemain nombor utama negara yang juga juara bertahan, Ong Beng Hee dan Nicol Ann David.

Pemangku Presiden Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM), Datuk Mokhzani Mahathir berkata, SRAM mensasarkan tiga gelaran juara untuk kejohanan kali.

"Harapan saya agar pemain dapat meraih tiga gelaran juara apatah lagi kita mempunyai kelebihan selaku tuan rumah. Namun saya akui cabaran sengit bakal diterima daripada Pakistan bagi acara berpasukan lelaki.

"Dua tahun lalu kita hampir memenangi keseluruhan gelaran juara, bagaimana pemain wanita negara, Sharon Wee yang panik ketika berdepan Christina menyebabkan dia tewas kepada pemain itu.

"Saya juga berharap Tricia Chuah yang melanjutkan pelajaran di sebuah kolej dapat turut sama membantu negara di kejohanan kali ini kerana khidmatnya masih diperlukan untuk mendapatkan mata," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan tajaan daripada Mulpha International Berhad.

Tajaan berjumlah RM80,000 itu disampaikan Dennis Low, Pengarah Mulpha International Berhad.

Senarai pemain untuk mewakili negara akan diputuskan sebelum tarikh tutup penyertaan pada 15 April dan undian secara terbuka akan diadakan pada tarikh itu.

Empat pemain negara, Beng Hee, Nicol, Sharon dan Azlan sedang mewakili negara di Terbuka British berakhir pada 15 April.

Manakala Beng Hee yang menyertai Terbuka Qatar selepas itu akan kembali ke Malaysia pada 29 April.

Sementara itu sembilan negara mengesahkan penyertaan di Kejohanan itu, selain Malaysia, negara yang menyertai kejohanan ini adalah Korea Selatan, Jepun, Pakistan, Taiwan, India, Hong Kong, Macau dan Singapura.

(END)